

Amal budaya kerja Korea

Daripada ZULKIFLI ABDULLAH

SEOUL 12 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta usahawan Malaysia mengamalkan budaya kerja rakyat Korea Selatan dalam usaha meningkatkan keupayaan untuk menghadapi dunia perniagaan yang semakin kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini penting supaya mereka dapat mewujudkan rangkaian perniagaan yang semakin meluas dengan para usahawan Korea Selatan bagi menguasai pasaran global.

"Tujuan lawatan seperti ini adalah untuk kita mencari dan menambah usaha bagi meningkatkan hubungan dagang, menambah pelaburan serta menguasai teknologi baru yang diperlukan oleh Malaysia," katanya pada majlis makan malam bersama usahawan-usahawan Malaysia di sebuah hotel di sini semalam.

Seramai 35 usahawan Malaysia menyertai rombongan lawatan enam hari Timbalan Perdana Menteri ke Korea Selatan yang akan berakhir esok.

Menurut Najib, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan telah meningkat 26 peratus tahun lalu berbanding tahun sebelumnya tetapi jumlah keseluruhan pelaburan langsung asing negara ini menurun.

Korea Selatan negara ini terhadap pelaburan di luar negara sejak 2004 begitu memberangsangkan. Di Malaysia RM1.5 bilion dilaburkan bagi tempoh 2004 hingga 2006 meliputi 67 projek dengan keupayaan menyediakan kira-kira 3,750 peluang pekerjaan.

Um - 13/3/2008

Malaysia merupakan antara negara pengeksporth terbesar cip komputer, gas dan minyak ke Korea Selatan manakala import negara ini pula membabitkan barangan kimia, cip komputer yang sudah ditambah nilai, kapal marin dan kereta.

"Dengan itu, kita sudah tidak ada pilihan melainkan berusaha meningkatkan rangkaian kerjasama global dan tanpanya, tidak mungkin kita dapat menambah punca perolehan seperti menerusi teknologi, perdagangan dan pelancongan.


"Saya lihat lawatan ke Jepun dan Korea telah meningkatkan kesedaran usahawan Malaysia terhadap negara dalam menghadapi dunia perniagaan yang semakin kompetitif," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian berikutan pasaran terbuka sekarang yang memberi peluang kepada mana-mana negara untuk menerokai pelaburan baru di luar negara berdasarkan pakej menarik ditawarkan oleh negara terbabit.

Justeru, beliau mahu usahawan Malaysia melihat persaingan terbuka itu dengan bekerja keras dan bertindak pantas serta menunjukkan keseriusan mereka bersama-sama kerajaan bagi menarik minat pelabur asing Korea Selatan untuk melabur di Malaysia.

Jelas Najib, tanggungjawab tersebut tidak seharusnya diserahkan kepada agensi kerajaan seperti MIDA mahupun MA-TRADE malah mereka juga perlu memainkan peranan seperti mengadakan program pembangunan dan penyelidikan (R&D) sendiri.

- Utusan



NAJIB Tun Abdul Razak disambut Presiden Korea Selatan, Roh Moo-hyun ketika melakukan kunjungan hormat di pejabat Presiden itu di Cheong Wa Dae, Seoul, semalam.